

E Baca petikan di bawah. Garis perkataan yang sesuai kemudian tulis semua ayat tersebut.

Selvi dan Yati tinggal berjiran. Mereka hidup tolong-menolong dan bekerjasama. Pada hujung minggu, mereka menolong ibu masing-masing menyapu sampah di halaman rumah. Selepas itu, mereka akan siram bunga tanaman ibu mereka.



Keluarga Selvi akan menjaga rumah Yati ketika Yati sekeluarga pulang ke kampung. Mereka juga membantu menyimpan kunci rumah Yati. Mereka akan pastikan keadaan rumah Yati selamat.

Pada waktu lapang, keluarga Yati akan mengunjungi rumah Selvi. Mereka tidak lupa membawa buah tangan.

- 1 Selvi dan Yati tinggal (berjiran, berjauhan).
- 2 Yati dan Selvi hidup (tolong-menolong, dengki-mendengki) antara satu sama lain.
- 3 Selvi dan Yati akan menyapu sampah dan (menyiram bunga, membasuh bunga).
- 4 Apabila keluarga Yati pulang ke kampung, keluarga Selvi akan (membantu menyimpan kunci, mendiamkan diri di rumah).
- 5 Pada waktu lapang, Yati dan keluarganya (berkunjung, tidur) ke rumah Selvi.